

## **D.R. 39/94**

**Naskhah Sahih:  
Bab II, III, IV & V—Bahasa Inggeris**

### **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (No. 2) 1994**

#### **SUSUNAN PASAL**

##### **BAB I**

###### **PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas.
2. Pindaan Akta.

##### **BAB II**

###### **PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

3. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.
4. Pindaan seksyen 3.
5. Pindaan seksyen 6A.
6. Pindaan seksyen 34B.
7. Pindaan seksyen 39.
8. Pindaan seksyen 44.
9. Pindaan seksyen 46.
10. Pindaan seksyen 47.
11. Pindaan seksyen 48.
12. Pindaan seksyen 60.
13. Seksyen baru 60AB,
14. Pindaan seksyen 60E.
15. Pindaan seksyen 65A.
16. Pindaan seksyen 108.
17. Pindaan seksyen 110.
18. Pindaan seksyen 154.
19. Pindaan Jadual 1.
20. Pindaan Jadual 3.
21. Pindaan Jadual 6.

**RANG UNDANG-UNDANG****BAB III****PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM  
(CUKAI PENDAPATAN) 1967**

Fasal

22. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.
23. Pindaan seksyen 2.
24. Pindaan seksyen 16.
25. Pindaan seksyen 22.

**BAB IV****PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949**

26. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Setem.1949.
27. Pindaan seksyen 20e.

**BAB V****PINDAAN KEPADA AKTA PENGGALAKAN  
PELABURAN 1986**

28. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Penggalakan Pelaburan 1986.
29. Pindaan seksyen 2.
30. Pindaan seksyen 4B.
31. Seksyen baru 26G.
32. Seksyen baru 27G.
33. Pindaan seksyen 28.
34. Seksyen baru 29H.
35. Pindaan seksyen 37.

# RANG UNDANG-UNDANG

## *b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Setem 1949 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

### BAB I

#### PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan (No. 2) 1994. Tajuk ringkas.
2. Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Setem 1949 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 adalah dipinda mengikut cara yang dinyatakan masing-masingnya dalam Bab II, III, IV dan V. Pindaan Akta. Akta 53 45/67. Akta 378 Akta 327.

### BAB II

#### PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. (1) Kecuali seksyen 6, 19(c) dan 19(e), Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1995 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.
- (2) Seksyen 6 (kecuali subperenggan 6(a)(i) hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1994 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(3) Subperenggan (6)(a)(i) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1991.

(4) Perenggan 19(c) dan 19(e) hendaklah mula berkuatkuasa pada 28hb Oktober 1994.

Pindaan  
seksyen 3.  
Akta 53.

4. Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3B seksyen yang berikut:

Non-charge-ability to tax in respect of income received in Malaysia from outside Malaysia. 3c. Notwithstanding section 3, tax shall not be charged under this Act on income arising from sources outside Malaysia and received in Malaysia by a resident company (other than a company carrying on the business of banking, insurance, shipping and air transport).".

Pindaan  
seksyen 6A.

5. Subseksyen 6A(2) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan (a) dengan menggantikan perkataan "ninety" dengan perkataan "one hundred and ten"; dan
- (b) dalam perenggan (b) dengan menggantikan perkataan "fifty" dengan perkataan "sixty".

Pindaan  
seksyen 34B.

6. Seksyen 34B Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan "subsection (3)" dengan perkataan "subsection (2)";
  - (ii) dengan memotong perkataan "or" di hujung perenggan (a);
  - (iii) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (b) dengan tanda baca dan perkataan "; or"; dan
  - (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
    - "(c) payment for the use of the services of a research and

development company or a contract research and development company.";

- (b) dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen (2) dengan noktah bertindih dan memasukkan kemudian daripada itu proviso yang berikut:

*Act 327.* "Provided that no deduction in respect of that expenditure shall be made under this section to a person being a related company of a research and development company which has been given approval under section 27D(1) of the Promotion of Investments Act 1986 and whose period as prescribed under section 29E(2)(b) of that Act has not ended."; dan

- (c) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (4)(b) dengan koma bernoktah dan memasukkan kemudian daripada itu perenggan yang berikut:

"(c) a "contract research and development company", a "related company" and a "research and development company" have the meaning assigned thereto in section 2 of the Promotion of Investments Act 1986."

7. Proviso kepada perenggan 39(1)(/) Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 39.

- (a) dengan memotong perkataan "or" di hujung subperenggan (iv); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subperenggan (v) subperenggan yang berikut:

"(vi) the provision of promotional gifts within Malaysia consisting of articles incorporating a conspicuous advertisement or logo of the business; or".

Pindaan  
seksyen 44.

8. Seksyen 44 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memotong perkataan "and" di hujung perenggan (b);

(ii) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

"(c) next, by any deduction falling to be so made pursuant to subsection (6); and"; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

"(d) thereafter, in respect of an individual, by any deduction falling to be so made pursuant to subsection (8).";

(b) dalam proviso kepada subseksyen (6) dengan menggantikan perkataan "31st January 1994" dengan perkataan "30th June 1994";

(c) dalam subseksyen (7), dalam takrif "institution"—

(i) dengan memotong perkataan "or" di hujung perenggan (d);

(ii) dengan memasukkan perkataan "or" di hujung perenggan (e); dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

"(f) a technical or vocational training institute established and maintained by a statutory body"; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (7) subseksyen yang berikut:

"(8) There shall be deducted pursuant to this subsection from the aggregate income of a person to whom section 34(6)(g) does not apply, for the relevant year reduced by any deduction for that year pursuant to subsection

(2) or Schedule 4, 4A or 4B, an amount equal to any gift of money made by him in the basis year for that year, for the provision of library facilities which are accessible to the public and in respect of contributions to public libraries and libraries of schools and institutions of higher education, not exceeding twenty thousand ringgit."

9. Seksyen 46 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 46.

- (a) dengan memotong perkataan "and" di hujung perenggan (c);
- (b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (d) dengan koma bernoktah; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:
  - "(e) a further five thousand ringgit for that individual if he is a disabled person; and
  - (f) an amount limited to a maximum of two thousand ringgit on fees expended in that basis year by that individual for any course of study in any institution in Malaysia recognized by the Government undertaken for the purpose of acquiring technical, vocational or industrial skills."

10. Seksyen 47 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 47.

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:
  - "(1) In the case of an individual resident for the basis year for a year of assessment who in that basis year had a wife living together with him, there shall, subject to subsections (3) and (4), be allowed for that year of assessment a deduction of—
    - (a) three thousand ringgit for the wife; and

(b) a further two thousand five hundred ringgit for the wife if she is a disabled person."; dan

(b) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan perkataan "subsections (1) and (2)" dengan perkataan "subsections (1)(a) and (2)".

Pindaan  
seksyen 48.

11. Seksyen 48 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam perenggan (2)(a) dengan memotong perkataan "for the first five children in order of age,"; dan

(b) dengan memotong subseksyen (7).

Pindaan  
seksyen 60.

12. Seksyen 60 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (2)(b)(ii) dengan koma bernoktah dan memasukkan kemudian daripada itu perenggan yang berikut:

"(c) where an insurer carries on life business, the income of the life fund shall be treated as a separate source of income from the income of the shareholders' fund in respect of the life business.";

(b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) The adjusted income of the life fund for the basis period for a year of assessment of an insurer resident for the basis year for that year of assessment shall be ascertained by-

(a) taking the aggregate of—

(i) the amount of gross income for that period from the investments made out of any of the insurer's life funds; and

- (ii) the amount of any gross proceeds (whether or not of an income nature) which are not gross income to which subparagraph (i) applies and which are first receivable in that period in connection with the realisation of those investments or any rights arising from them; and
  - (b) deducting from that aggregate where paragraph (a)(ii) is applicable for that period to gross proceeds receivable in connection with any investments or rights, the cost of acquiring and realising those investments or rights.
- (3A) The adjusted income of the shareholders' fund for the basis period for a year of assessment of an insurer resident for the basis year for that year of assessment shall be ascertained by—
- (a) taking the aggregate of—
    - (i) the amount of gross income for that period from the investments made out of any of the shareholders' funds; and
    - (ii) the amount of any gross proceeds (whether or not of an income nature) which are not gross income to which subparagraph (i) applies and which are first receivable in that period in connection with the realisation of those investments or any rights arising from them; and
    - (iii) the amount of the actuarial surplus (subject to any adjustment as the Director

General may think fit to make in accordance with the provisions of this Act) for that period arising from the life fund as is apportioned to the shareholders' fund; and

(b) deducting from that aggregate where paragraph (a)(ii) is applicable for that period to gross proceeds receivable in connection with any investments or rights, the cost of acquiring and realising those investments or rights.";

(c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subsekSyen yang- berikut:

"(4) The adjusted income of the life fund of an- insurer not resident for the basis year for that year of assessment shall where that business is wholly or partly carried on in Malaysia be ascertained by^^-

(a) taking the aggregate of—

(i) the amount of gross income for that period from investments made (in Malaysia or elsewhere) out of the insurer's Malaysian life fund; and

(ii) the amount of any gross proceeds (whether or not of an income nature) which are not gross income to which subparagraph (i) applies and which are first receivable in that period in connection with the realisation of those investments or any rights arising from them; and

(b) deducting from that aggregate where paragraph (a)(ii) is applicable for that period to gross proceeds receivable in

connection with any investments or rights, the cost of acquiring and realising those investments or rights.

(4A) The adjusted income of the shareholders' fund for the basis period for a year of assessment of an insurer not resident for the basis year for that year of assessment shall, where that business is wholly or partly carried on in Malaysia, be ascertained by—

(a) taking the aggregate of—

- (i) the amount of gross income for that period from the investments made out of any of the shareholders' funds; and
- (ii) the amount of any gross proceeds (whether or not of an income nature) which are not gross income to which subparagraph (i) applies and which are first receivable in that period in connection with the realisation of those investments or any rights arising from them; and
- (iii) the amount of the actuarial surplus (subject to any adjustment as the Director General may think fit to make in accordance with the provisions of this Act) for that period arising from the life fund as is apportioned to the shareholders' fund; and

(b) deducting from that aggregate where paragraph (a)(ii) is applicable for that period to gross proceeds receivable in connection with any investments or rights, the cost of acquiring and realising those investments or rights.

(4s) The adjusted income as ascertained under subsections (3A) and (4A) shall be deemed to be the statutory income from that source.";

(d) dalam subseksyen (5)—

(i) dalam subperenggan (a)(iv) dengan memasukkan selepas perkataan "recovered" perkataan "or recoverable"; dan

(ii) dalam perenggan (b) dengan menggantikan subperenggan (i) dengan subperenggan yang berikut:

"(i) claims incurred in that period in connection with his general policies;"

(e) dalam subseksyen (6)—

(i) dalam subperenggan (a)(iv) dengan memasukkan selepas perkataan "recovered" perkataan "or recoverable"; dan

(ii) dalam perenggan (b) dengan menggantikan subperenggan (i) dengan subperenggan yang berikut:

"(i) claims incurred in that period in connection with his Malaysian general policies;" dan

(f) dengan memasukkan selepas subseksyen (10) subseksyen yang berikut:

"(10A) Notwithstanding section 43(2) and section 60(10), any unabsorbed losses of the life business shall only be available for deduction against the statutory income for the basis period for a year of assessment and subsequent years of assessment in respect of the life fund of the insurer.

(10B) Notwithstanding paragraph 75 of Schedule 3, any unabsorbed allowances of the life business shall only be available for

deduction against the adjusted income for the basis period for a year of assessment and subsequent years of assessment in respect of the life fund of the insurer.

(10c) Allowances under Schedule 3 shall only be available for deduction against the adjusted income of the life fund and the balance of such allowances shall not be available as a deduction against the adjusted income of the shareholders' fund."

13. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 60AA seksyen yang berikut: Seksyen baru  
60AB.

Chargeable income of life fund subject to tax. 60AB. The chargeable income in respect of the life fund as determined under sections 60(3) and 60(4) is subject to tax as specified under Part VIII of Schedule 1."

14. Seksyen 60E Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 60E

- (a) dengan memotong subseksyen (5);
- (b) dalam subseksyen (6) dengan memotong perkataan "or income exempt under subsection (5)"; dan
- (c) dalam subseksyen (7)—
  - (i) dengan menggantikan takrif "approved operational headquarters company" dengan takrif yang berikut;
 

"approved operational headquarters company" means a company—

    - (a) which carries on a business in Malaysia of providing qualifying services to its offices outside Malaysia or to its related companies outside Malaysia; and
    - (b) which is approved by the Minister for the purposes of this section;

- (ii) dengan memotong takrif "foreign company"; dan
- (iii) dalam subperenggan (a)(iii) takrif "qualifying services" dengan menggantikan perkataan "and components" dengan perkataan ", components and finished products".

Pindaan  
seksyen 65A.

**15.** Perenggan 65A(b) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "six" dengan perkataan "eight".

Pindaan  
seksyen 108.

**16.** Seksyen 108 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas subseksyen (2c) subseksyen yang berikut:

"(2D) Notwithstanding any other provision of this Act, where a dividend is paid, credited or distributed with or without deduction of tax during the basis year for the year of assessment 1995, the amount of the dividend received by the shareholder shall be deemed to be a dividend of such a gross amount as after deduction of tax at the rate of thirty per cent would be equal to—

- (a) the amount in fact paid or credited;  
or

- (b) where the dividend consists of property other than money, the amount of the market value of that property at the time of the dividend's distribution,

and a sum equal to the difference between that gross amount and the amount mentioned in paragraph (a) or (b), as the case may be, shall be deemed to have been deducted from the dividend as tax.";

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4c) subseksyen yang berikut:

"(4D) In any case where tax has been deducted or deemed to have been deducted at the rate of thirty-two per cent on any dividend paid, credited or distributed during the basis year for the year of assessment 1995 to which subsection (2D) applies, the compared total shall be determined at the rate of thirty per cent."; dan

- (c) dalam subseksyen (11)—

(i) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (b)(ii) dengan tanda baca dan perkataan "; or"; dan

(ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (b)(i) perenggan yang berikut:

"(c) a life insurer in respect of his chargeable income which is subject to tax under Part VIII of Schedule 1."

17. Seksyen 110 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1c) subseksyen yang berikut: Pindaan seksyen 110.

"(1c) Notwithstanding subsection (1), where tax on any dividend paid, credited or distributed during the basis year for the year of assessment 1995 has been deducted at the rate of thirty-two per cent, the tax to be set off under subsection (1) shall be the sum deemed to be the tax deducted from such divided under section 108(2D)."

18. Subseksyen 154(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut: Pindaan seksyen 154.

"(ea) prescribing penalties for any contravention or failure to comply with any of the provisions of any rules made under this section:

Provided that no such penalty shall exceed the penalty prescribed under section 120;"

Pindaan  
Jadual 1.

19. Jadual 1 kepada Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam perenggan 1 Bahagian I dengan menggantikan kadar-kadar dengan kadar-kadar yang berikut:

<i>Chargeable Income</i>	<i>RM</i>	<i>Rate of Income Tax</i>
For every ringgit of the first	2,500	0 per cent
For every ringgit of the next	2,500	3 per cent
For every ringgit of the next	5,000	6 per cent
For every ringgit of the next	10,000	7 per cent
For every ringgit of the next	15,000	12 per cent
For every ringgit of the next	15,000	18 per cent
For every ringgit of the next	20,000	23 per cent
For every ringgit of the next	30,000	28 per cent
For every ringgit of the next	50,000	31 per cent
For every ringgit exceeding	150,000	32 per cent";

- (b) dalam perenggan 2 Bahagian I dengan menggantikan perkataan "32 per cent" dengan perkataan "30 per cent";

- (c) dalam perenggan 1 dan 2 Bahagian II dengan menggantikan perkataan "20% of gross" dan "15% of gross" yang terdapat di bawah ruang "Rate of income tax" masing-masingnya dengan perkataan "15% of gross" dan "10% of gross";

- (d) dalam Bahagian IV dengan menggantikan kadar-kadar dengan kadar-kadar yang berikut:

<i>Chargeable Income</i>	<i>RM</i>	<i>Rate of Income Tax</i>
For every ringgit of the first	10,000	1 per cent

<i>Chargeable Income</i>	<i>RM</i>	<i>Rate of Income Tax</i>
For every ringgit of the next	10,000	3 per cent
For every ringgit of the next	10,000	6 per cent
For every ringgit of the next	10,000	9 per cent
For every ringgit of the next	10,000	12 per cent
For every ringgit of the next	25,000	16 per cent
For every ringgit of the next	25,000	20 per cent
For every ringgit of the next	50,000	24 per cent
For every ringgit of the next	100,000	27 per cent
For every ringgit of the next	250,000	30 per cent
For every ringgit exceeding	500,000	32 per cent";

(e) dalam Bahagian V dengan menggantikan perkataan "15% of gross" dengan perkataan "10% of gross"; dan

(f) dengan memasukkan selepas Bahagian VII Bahagian yang berikut:

#### PART VIII

Notwithstanding Part I and Part II, income tax shall be charged on the chargeable income of a life fund of a resident or non-resident insurer at the rate of .....8 per cent."

20. Jadual 3 kepada Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
Jadual 3.

(a) dalam perenggan 37B—

(i) dengan menggantikan subperenggan (c) dengan subperenggan yang berikut:

"(c) industrial, technical or vocational training approved by the Minister;"

- (ii) dengan menggantikan koma di hujung subperenggan (*d*) dengan tanda baca dan perkataan "; or"; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (*d*) subperenggan yang berikut:

"(e) research undertaken by a research and development company or a contract research and development company as defined in section 2 of the  
*Aa 327* Promotion of Investments Act 1986,"; dan

- (b) dalam perenggan 62 dengan memasukkan selepas subperenggan (3) subperenggan yang berikut:

"(4) Notwithstanding paragraph 62(1) where an asset in relation to which the person has incurred qualifying plant expenditure for the purposes of a business of his is disposed of by way of gift, its disposal value shall be deemed to be zero if the gift is made to—

- (a) a technical or vocational training institute established and maintained by the government or a statutory body;
- (b) a technical or vocational training institute as approved by the Minister;  
or
- (c) an approved research institute as defined in section 34B."

Pmdaan  
 Jadual 6.

21. Jadual 6 kepada Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 35 perenggan yang berikut:

"36. Sums received by way of annuities granted under annuity contracts issued by Malaysian life insurers."

## BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM  
(CUKAI PENDAPATAN) 1967

22. (1) Kecuali seksyen 23, Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1994 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

(2) Seksyen 23 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada Ihb Jun 1991.

23. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dalam seksyen 2 dalam takrif "approved scheme" dengan memasukkan selepas perkataan "means" perkataan "the Employees Provident Fund or".

Pindaan seksyen 2. 45/67.

24. Perenggan 16(3)(a) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "fifteen per cent" dengan perkataan "sixteen per cent".

Pindaan seksyen 16.

25. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 22.

(a) dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen (1) dengan noktah bertindih; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) proviso yang berikut:

"Provided that in respect of any gift of money made by that chargeable person during the period from the 1st November 1993 to the 30th June 1994 to the Government low-cost housing fund managed by the Central Bank of Malaysia, there shall be given a further deduction of an amount equal to one half of that gift of money."

## BAB IV

## PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

26. Bab ini hendaklah mula berkuatkuasa pada Ihb Januari 1995.

Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Setem 1949.

Pindaan  
seksyen 20B.  
Akta 378.

27. Akta Setem 1949 adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 20B dengan seksyen yang berikut:

"20B. (1) Every conveyance either on sale or by way of gift or settlement which operates to vest or transfer an undivided interest in real property, shall contain an affidavit of the transferee certifying that the transaction effected by the instrument does not form part of a larger transaction or series of transactions completed or to be completed within a period of twelve months after the date of the first of the instruments employed to complete the conveyance of the property.

(2) Where the transaction effected by the instrument forms part of a larger transaction or series of transactions, *ad valorem* duty upon that instrument and upon every other instrument following shall be calculated on the aggregate of the consideration or market values of the separate parts or parcels being conveyed, whichever is the higher, at the rates specified under paragraph (a) of Item 32 in the First Schedule."

## BAB V

### PINDAAN KEPADA AKTA PENGGALAKAN PELABURAN 1986

Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

28. Bab ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 28hb Oktober 1994 dan hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1995 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan seksyen 2.  
Akta 327

29. Akta Penggalakan Pelaburan 1986, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dalam subseksyen 2(1)—

(a) dengan menggantikan perkataan "Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia" yang terdapat dalam takrif "hotel" dan "projek pelancongan" dengan perkataan "Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan"; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif "syarikat kerjasama" takrif yang berikut:

' "syarikat latihan teknikal atau vokasional" ertinya suatu syarikat yang menyediakan latihan teknikal atau vokasional di Malaysia;'

30. Seksyen 4B Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "dan 26E" dengan perkataan ", 26E dan 26G". Pindaan seksyen 4B.

31. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 26F seksyen yang berikut: Seksyen baru 26G.

"Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan bagi syarikat latihan teknikal atau vokasional

26G. (1) Mana-mana syarikat latihan teknikal atau vokasional yang menyertai atau bercadang hendak menyertai di Malaysia boleh membuat permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud-maksud sesuatu elaun cukai pelaburan.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini."

32. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan ; selepas seksyen 27F seksyen yang berikut: Seksyen baru 27G.

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah seksyen 26G(1)

27G. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah seksyen 26G(1) tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut;

Dengan syarat bahawa jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubungan dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh yang aktiviti itu telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan di bawah seksyen 4B, maka

kelulusan itu boleh diberikan dengan kuatkuasa kebelakangan dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 28hb Oktober 1994.

(2) Menteri boleh mengubah terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) dan (2), Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan."

Pindaan  
seksyen 28

33. Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "atau 27F" dengan perkataan ", 27F atau 27G"; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan "27F(2)" perkataan ",27G(1), 27G(2)"; dan

(b) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan "atau 27F(1)" dengan perkataan ", 27F(1) atau 27G(1)"; dan

(ii) dalam perenggan (b) dengan memasukkan selepas perkataan "27F(2)" perkataan ", 27G(1), 27G(2)".

Seksyen baru  
29H.

34. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 29c seksyen yang berikut:

Elaun  
cukai  
pelaburan  
bagi  
permohonan  
di bawah  
seksyen  
26G yang  
telah  
diberikan  
kelulusan  
di bawah  
seksyen  
27G.

29H. (1) Jika sesuatu syarikat latihan teknikal atau vokasional yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27o telah melakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan dengan suatu aktiviti berhubungan dengan latihan teknikal atau vokasional perbelanjaan modal bagi maksud-maksud aktiviti itu, maka hendaklah diberikan kepada syarikat itu bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan itu.

(2) Elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (1)—

- (a) tertakluk kepada subseksyen (4), hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan;
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh sepuluh tahun dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuatkuasa:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuatkuasa yang disebut dalam subseksyen (2)(b) berhubungan dengan suatu perniagaan yang hampir hendak dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti berhubungan dengan latihan teknikal atau vokasional, maka perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang dalamnya ia mula menjalankan perniagaan itu.

(3) Jika sesuatu elaun diberikan kepada sesuatu syarikat di bawah subseksyen (1) bagi sesuatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti berhubungan dengan latihan teknikal atau vokasional bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan sedemikian tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu.

(4) Jika, oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti berhubungan dengan latihan teknikal atau vokasional bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun atau elaun-elaun yang syarikat itu berhak mendapatnya di bawah seksyen ini bagi tahun itu berhubungan dengan sumber yang terdiri daripada perniagaan itu, maka, walau apa pun subseksyen (1), (2) dan (3), sekian banyak daripada elaun atau elaun-elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan bagi tahun itu hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberikan kepada syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran pertama yang kemudiannya yang baginya terdapat pendapatan statutori daripada perniagaan itu, dan seterusnya bagi tahun-tahun taksiran yang kemudiannya sehinggalah syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun atau elaun-elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu.

(5) Jika apa-apa pendapatan dikecualikan daripada cukai menurut kuasa subseksyen (3), seksyen 23 hendaklah terpakai bagi pendapatan itu (dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu) sebagaimana yang ia terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah seksyen 22.

(6) Bagi maksud-maksud seksyen ini dan tertakluk kepada subseksyen (7), "perbelanjaan modal", berhubungan dengan latihan teknikal atau vokasional, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas bangunan atau ke atas apa-apa loji dan jentera yang digunakan di Malaysia berkaitan dengan dan bagi maksud-maksud aktiviti berhubungan dengan latihan.

(7) Walau apa pun subseksyen (6), "perbelanjaan modal" tidaklah termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas bangunan (yang digunakan sebagai tempat tinggal bagi orang), loji dan jentera jika bangunan, loji atau jentera itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah atau orang individu yang menjadi anggota pihak pengurusan, pentadbiran atau kakitangan pekerjaan."

35. Subseksyen 37(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "larasan" dengan perkataan "statutori". Pindaan seksyen 37.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Setem 1949 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

## BAB II

### PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

2. *Fasal 4* bertujuan memasukkan seksyen baru 3c untuk mengecualikan syarikat pemastautin daripada cukai berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi dari luar Malaysia dan yang diremitkan ke Malaysia. Pengecualian ini tidak terpakai bagi syarikat pemastautin yang menjalankan urusan bank, insurans, perkapalan dan pengangkutan udara. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

3. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 6A untuk mengadakan peruntukan bagi menambah rebat bagi individu dan isterinya. Rebate yang dibenarkan bagi seseorang individu ditambah daripada RM90.00 ke RM110.00 sementara rebat yang dibenarkan bagi seseorang isteri ditambah daripada RM50.00 ke RM60.00. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

4. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 34s. Di bawah pindaan ini potongan khas yang diberikan berkenaan dengan penyelidikan dan kemajuan dilanjutkan untuk meliputi pembayaran bagi penggunaan perkhidmatan syarikat penyelidikan dan kemajuan dan syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak. *Fasal* ini juga bertujuan

mengelakkan syarikat berkaitan suatu syarikat penyelidikan dan kemajuan yang telah diberikan insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 daripada layak bagi potongan khas berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan bagi penggunaan perkhidmatan yang diadakan oleh syarikat penyelidikan dan kemajuan itu. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1994.

5. *Fasal 7* bertujuan meminda proviso kepada perenggan 39(1)(l). Dengan pindaan ini potongan berkenaan dengan perbelanjaan bagi keraian untuk mengadakan hadiah promosi yang dahulunya terhad kepada hadiah promosi yang diberikan di pameran perdagangan di luar Malaysia akan dibenarkan sepenuhnya tanpa mengira sama ada ia diberikan di dalam atau di luar Malaysia. *Fasal* ini bertujuan selanjutnya untuk menjelaskan bahawa potongan yang dibenarkan berkenaan dengan hadiah promosi hendaklah dihadkan kepada barang yang mempunyai iklan atau logo perniagaan yang mudah dilihat. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

6. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 44 untuk memperuntukkan bahawa derma wang yang dibuat oleh seseorang kepada institut latihan teknikal atau vokasional yang ditubuhkan dan disenggarakan oleh badan berkanun akan dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan agregatnya. *Fasal* ini bertujuan selanjutnya untuk memasukkan subseksyen baru (8) ke dalam seksyen 44 untuk memperuntukkan bahawa derma wang yang dibuat oleh individu sehingga sebanyak dua puluh ribu ringgit bagi mengadakan kemudahan perpustakaan awam dan sumbangan wang kepada perpustakaan sekolah dan institusi pendidikan tinggi hendaklah dibenarkan sebagai potongan. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

7. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 46 dengan memasukkan perenggan baru (e) dan (f) untuk memberikan pelepasan lanjutan sebanyak lima ribu ringgit kepada individu yang kehilangan keupayaan dan untuk memberikan pelepasan kepada individu, sehingga maksimum sebanyak dua ribu ringgit, bagi fee yang dibelanjakan olehnya bagi apa-apa kursus pengajian di Malaysia di institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan, bagi maksud memperolehi kemahiran teknikal, vokasional atau industri. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

8. *Fasal 10* bertujuan meminda subseksyen 47(1) untuk memperuntukkan bagi individu pelepasan lanjutan sebanyak dua ribu lima ratus ringgit bagi isterinya jika isterinya seorang yang kehilangan keupayaan. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

9. *Fasal 11* bertujuan meminda subseksyen 48(2) untuk memperuntukkan bahawa pemberian pelepasan anak kepada individu tidak lagi dihadkan ke maksimum lima orang anak. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

10. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 60 dengan tujuan untuk memasukkan pendekatan baru kepada pencukaian perniagaan insurans nyawa dengan memperuntukkan bahawa pendapatan kumpulan wang nyawa hendaklah disifatkan sebagai sumber pendapatan yang berasingan daripada sumber pendapatan kumpulan wang pemegang saham. Melalui pindaan yang dicadangkan, suatu syarikat insurans nyawa akan ditaksirkan atas pendapatan daripada kumpulan wang nyawa dan atas pendapatan daripada kumpulan wang pemegang saham. Pendapatan pelaburan dan keuntungan daripada perealisasikan pelaburan akan dikira sebagai pendapatan daripada kumpulan wang nyawa. Pendapatan larasan yang disifatkan sebagai pendapatan statutori kumpulan wang pemegang saham adalah ditentukan dengan mengira agregat pendapatan pelaburan, keuntungan daripada perealisasikan pelaburan daripada kumpulan wang pemegang saham dan 20 peratus lebih aktuari yang berbangkit daripada kumpulan wang nyawa yang diagihkan kepada kumpulan wang pemegang saham. Lebih aktuari yang berbangkit daripada kumpulan wang nyawa dan yang diagihkan kepada kumpulan wang pemegang saham adalah tertakluk kepada apa-apa pelarasan yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah untuk dibuat, mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967.

*Fasal 12* memperuntukkan selanjutnya bahawa apa-apa kerugian yang tak diserap oleh perniagaan insurans nyawa sebelum tahun taksiran 1995 akan diadakan bagi potongan terhadap pendapatan statutori bagi tempoh asas bagi tahun taksiran 1995 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya berkenaan dengan kumpulan wang nyawa penanggung insurans. Seumpamanya, apa-apa elaun modal yang tak diserap dan elaun modal tahun semasa hendaklah hanya diadakan bagi potongan terhadap pendapatan larasan bagi tempoh asas bagi tahun taksiran 1995 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya berkenaan dengan kumpulan wang nyawa penanggung insurans.

*Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa pendapatan kumpulan wang nyawa akan ditaksirkan pada kadar konsesi 8 peratus dan pendapatan kumpulan wang pemegang saham akan ditaksirkan pada kadar 30 peratus. Bagi maksud memfrankkan dividen berkenaan dengan pendapatan kumpulan wang nyawa, seksyen 108 tidak terpakai. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

*Fasal 12* juga bertujuan meminda subseksyen (5) dan (6) berhubung dengan penanggung insurans am pemastautin dan bukan pemastautin. Di bawah peruntukan sedia ada, tuntutan yang diakui oleh penanggung insurans berkaitan dengan polisi am yang dikeluarkan olehnya boleh dipotong dalam mengira pendapatan larasan perniagaan insurans am itu. Dengan pindaan yang dicadangkan, tuntutan yang ditanggung berkaitan dengan polisi am yang dikeluarkan oleh penanggung insurans boleh dipotong. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

11. *Fasal 13* bertujuan memasukkan seksyen baru 60AB untuk memperuntukkan bahawa pendapatan yang boleh dicukai berkenaan dengan kumpulan wang nyawa adalah tertakluk kepada cukai yang dinyatakan di bawah Bahagian VIII Jadual 1 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

12. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 60E untuk melanjutkan insentif ibu pejabat yang beroperasi kepada syarikat milik tempatan. *Fasal* ini juga bertujuan meminda takrif "qualifying services" dalam subseksyen 60E(7) untuk meliputi pemerolehan keluaran siap untuk syarikat berkaitannya atau pejabatnya di luar Malaysia. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

13. *Fasal 15* bertujuan meminda perenggan 65A(b) untuk memperuntukkan bahawa dalam mengira pendapatan yang boleh dicukai suatu koperasi bagi sesuatu tahun taksiran, suatu amaun yang bersamaan dengan lapan peratus daripada kumpulan wang anggota hendaklah dipotong daripada jumlah pendapatan bagi tahun itu. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

14. *Fasal 16* bertujuan meminda seksyen 108 dengan memasukkan subseksyen baru (2D) dan (4D) yang memperuntukkan bahawa cukai pada kadar 30 peratus akan disifatkan telah dipotong daripada dividen yang diterima oleh pemegang saham dalam tahun 1994, sementara cukai yang dipotong berkenaan dengan dividen yang dibayar oleh syarikat dalam tahun 1994 bagi maksud subseksyen 108(4) hendaklah pada kadar 30 peratus. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

15. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 110 untuk memperuntukkan bahawa cukai yang boleh dipotong daripada dividen dalam tahun 1994 yang akan dibenarkan kepada pemegang saham bagi tahun taksiran 1995 hendaklah disifatkan pada kadar 30 peratus. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

16. *Fasal 18* bertujuan meminda seksyen 154 untuk memberi Menteri kuasa membuat peruntukan bagi pengenaan penalti di bawah kaedah-kaedah yang ditetapkan. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

17. *Fasal 19* bertujuan meminda kadar cukai bagi individu dalam Bahagian [ Jadual 1 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Kadar-kadar sedia ada untuk pemastautin individu terletak dalam julat 2 hingga 34 peratus. Kadar-kadar yang dicadangkan terletak dalam julat 0 hingga 32 peratus. *Fasal* ini juga bertujuan meminda kadar cukai bagi syarikat, orang bukan pemastautin, badan amanah, wasi (dalam hal orang mati yang tinggal di luar Malaysia pada masa kematian) dan penerima, daripada 32 kepada 30 peratus. *Fasal* ini bertujuan selanjutnya untuk mengurangkan kadar menahan cukai

yang terpakai bagi orang bukan pemastautin dalam Bahagian II Jadual 1. Kadar-kadar sedia ada bagi koperasi yang terletak dalam julat 2 hingga 34 peratus telah dipinda kepada julat 1 hingga 32 peratus dalam Bahagian IV Jadual 1. Bahagian baru VIII dimasukkan ke dalam Jadual 1 untuk mencukai pendapatan yang boleh dicukai kumpulan wang nyawa penanggung insurans pada kadar konsesi 8 peratus. Kecuali kadar-kadar menahan cukai yang terpakai bagi orang bukan pemastautin dalam Bahagian II dan Bahagian V yang berkuatkuasa mulai dari 28hb Oktober 1994, pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

18. *Fasal 20* bertujuan meminda perenggan 37B Jadual 3 untuk membenarkan elaun bangunan industri diberikan berkenaan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan atas bangunan yang digunakan untuk penyelidikan oleh syarikat penyelidikan dan kemajuan atau syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak, dan juga untuk latihan industri, teknikal atau yokasional. *Fasal* ini juga bertujuan meminda perenggan 62 Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa jika sesuatu aset, yang merupakan jentera atau loji, diberikan sebagai hadiah kepada institut latihan teknikal atau yokasional yang ditubuhkan dan disenggarakan oleh kerajaan atau badan berkanun, atau kepada institut latihan teknikal atau vokasional yang diluluskan oleh Menteri, atau kepada suatu institut penyelidikan yang diluluskan, nilai pelupusan hendaklah dianggap sebagai kosong. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

19. *Fasal 21* bertujuan memasukkan perenggan baru 36 ke dalam Jadual 6 untuk memperuntukkan bahawa jumlah wang yang diterima sebagai anu;ti yang diberikan di bawah kontrak anuiti yang dikeluarkan oleh penanggung insurans nyawa Malaysia adalah dikecualikan daripada cukai. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1995.

20. Semua pindaan lain adalah kecil atau berbangkit.

### BAB III

#### PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

21. *Fasal 25* bertujuan meminda seksyen 25 untuk memberikan potongan yang bersamaan dengan setengah daripada hadiah wang berkenaan dengan derma yang dibuat dalam tempoh dari 1hb November 1993 hingga 30hb Jun 1994 kepada kumpulan wang perumahan kos rendah Kerajaan yang diuruskan oleh Bank Negara Malaysia. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1994.

22. Semua pindaan lain adalah kecil atau berbangkit.

## BAB IV

## PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

23. *Fasal 27* bertujuan meminda seksyen 20E untuk menyelaraskan peruntukan seksyen 20e dengan Butiran 32(a) Jadual Pertama yang telah dipinda. Pindaan ini akan mula berkuatkuasa pada Ihb Januari 1995.

## BAB V

## PINDAAN KEPADA AKTA PENGGALAKAN PELABURAN 1986

24. *Fasal 29* bertujuan meminda subseksyen 2(1) Akta untuk memasukkan takrif baru tertentu berikutan insentif baru yang dimasukkan di bawah Rang Undang-Undang ini.

25. *Fasal 31* bertujuan memasukkan seksyen baru 26G yang membuat peruntukan mengenai permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan oleh syarikat yang menyertai atau bercadang hendak menyertai latihan teknikal atau vokasional.

26. *Fasal 32* bertujuan memasukkan seksyen baru 27G bagi memberi Menteri kuasa meluluskan permohonan untuk elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah seksyen 26G.

27. *Fasal 34* bertujuan memasukkan seksyen baru 29n. Syarikat latihan teknikal atau vokasional yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27G akan diberikan elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus atas perbelanjaan modal yang dilakukan bagi tempoh sepuluh tahun tertakluk kepada sekatan sebanyak tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori bagi tahun taksiran yang berkenaan.

28. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus adalah pindaan berbangkit.

## IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1863]